

01 JUN, 2025

Wanita pemacu utama kukuhkan ekonomi serantau



Sinar Harian, Malaysia



Wanita pemacu utama kukuhkan ekonomi serantau

AWES 2025 libatkan 700 pemimpin wanita dari seluruh ASEAN

Program pemberkasaan wanita, Sidang Kemuncak Ekonomi Wanita ASEAN (AWES) 2025 yang diadakan baru-baru ini dilihat mampu menempatkan wanita sebagai pemacu utama dalam usaha memperkuuhkan integrasi ekonomi serantau.

Bertemakan *Empowering Women, Energising ASEAN: Pioneering Economic Integration for a Resilient Tomorrow*, AWES 2025 bukan sekadar persidangan, tetapi satu gerakan yang menyatakan lebih 700 pemimpin wanita, penggubal dasar dan usahawan dari seluruh ASEAN.

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Mastura Ahmad Mustafa berkata, sebagai pengajar bersama bagi AWES 2025, MITI komited untuk memastikan penyertaan wanita dalam sektor perdagangan dan pelaburan diprakarsai melalui sesi dialog dasar, pemadanan perniagaan dan bengkel (workshop) kepimpinan yang dirangka khas buat wanita.

"Inisiatif ini selaras dengan visi Madani dan komitmen Malaysia sebagai Pengurus ASEAN 2025 untuk membina ekonomi yang terangkum, mampan dan berdaya tahan. AWES membuka ruang untuk perbincangan berketerangkuman, membolehkan kerajaan-kerajaan ASEAN merangka dasar yang lebih bersasar dan berimpak tinggi atas komuniti wanita serantau."

"Saya berharap hasil perbincangan di AWES dapat dimajukan kepada penggubal-penggubal dasar ASEAN yang seterusnya memastikan setiap dasar dan strategi yang dirangka akan lebih inklusif."

"Ia juga memberi peluang kepada para wanita untuk sama menyumbang kepada usaha mempercepat dan memperkuuhkan integrasi ekonomi ASEAN supaya setiap warga ASEAN

dapat menikmati kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi rantau ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menteri MITI, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz merasmikan AWES 2025 yang diadakan pada 24 hingga 25 MEI 2025 di Kuala Lumpur.

Hadir sama ialah Pengurus Yayasan Kepimpinan Wanita, Datuk Hafsa Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif UOB Malaysia, Ng Wei Wei.

Mengulas lanjut, Mastura berkata, usahawan wanita di ASEAN menghadapi pelbagai cabaran, termasuk akses terhad kepada pendanaan, kekurangan latihan keusahawanan dan halangan dalam menembusi pasaran serantau.

"MITI sedar bahwa bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, pendekatan yang lebih bersepadu diperlukan. Melalui kerjasama serantau, kita boleh memperkenalkan dasar-dasar yang menyokong pembangunan kapasiti usahawan wanita seperti program latihan berbasarkan teknologi, inovasi dan digital serta mewujudkan dana khas untuk wanita yang berminat dalam keusahawanan."

"Selain itu, memperkasa jaringan usahawan wanita ASEAN melalui platform digital dapat memudahkan perkongsian sumber dan akses kepada pasaran yang lebih luas," katanya.

Dalam pada itu, Mastura berkata, melalui inisiatif seperti AWES 2025 dan program-program lain yang menyokong pemberdayaan wanita, kita dapat membina ekosistem yang menyokong pertumbuhan usahawan wanita, memperkuuh jaringan serantau dan memastikan wanita mendapat akses yang adil kepada peluang ekonomi.

"Dengan komitmen bersama, kita boleh merealisasikan masa depan ASEAN yang terangkum dan mampan, dipimpin oleh wanita yang berdaya saing."

"Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) terbaru kini merangkumi bab khusus mengenai penyertaan ekonomi wanita kerana perdagangan inklusif adalah perdagangan yang mampan," katanya.

Platform kerjasama konkrit

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kepimpinan Wanita,

"ia melibatkan platform untuk berkongsi pengalaman dan penyelesaian antara negara ASEAN dan inisiatif konkret seperti *Bridging Lives* yang menangani halangan infrastruktur," katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap berdasarkan komitmen AWES 2025 ialah mewujudkan asas yang kuat untuk kerjasama berterusan dalam dasar responsif gender, keusahawanan wanita, dan pertumbuhan ekonomi inklusif.

"Saya juga mengharapkan legasi berterusan antaranya inisiatif seperti *Bridging Lives* akan dipantau dan dibentangkan semasa penutupan Pengerusian ASEAN Malaysia pada Oktober," katanya.

Integrasi ekonomi serantau lebih inklusif

Bagi Ketua Pengasas dan Pegawai Eksekutif Prodigy, Sharnaz Saberi berkata, AWES 2025 berpotensi menjadi catalyst laju yang utama kepada integrasi ekonomi serantau yang lebih inklusif dan berteraskan kepimpinan wanita.

"Terima kasih AWES kerana memberi peluang kepada *Prodigy Women Orchestra* untuk berkarya dan menjadikan perintis kepada kebangkitan wanita dalam seni muzik orkestra.

"Dengan menyediakan platform serantau untuk jaringan, kolaborasi, dan pemberkasaan kapasiti, AWES mampu memperluas pasaran dan peluang rentas sempadan untuk usahawan wanita dalam industri kreatif, dengan memudahkan kerjasama produksi, pertukaran idea dan karya seni," katanya.

Sementara itu, Kurator AFK Collection, Zena Khan berkata, AWES 2025 boleh bermula dengan mendengar pengalaman wanita dalam perniagaan, industri dan projek serantau, mencipta analisis kejayaan dan kegagalan untuk mengenal pasti bidang yang wanita memerlukan lebih banyak sokongan.

"Memperbaiki platform dari mana wanita bermula dan beroperasi boleh memberi impak besar kepada kedudukan ekonomi mereka dan sepanjang generasi meningkatkan kedudukan wanita di ASEAN. Ia sekali gus akan membuka potensi ekonomi selanjutnya untuk Malaysia dan ASEAN," katanya.

Bagi Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Operasi Pantas, Syaheedah Jes Izman berkata, AWES 2025 boleh memacu integrasi ekonomi yang diterajuwan wanita yang inklusif dengan menyatakan usahawan, penggubal dasar dan pemimpin wanita ASEAN untuk memperjuangkan dasar yang saksama.

Menurutnya, dengan mempromosikan akses kepada pasaran serantau melalui rangka kerja seperti Komuniti Ekonomi ASEAN dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), sidang kemuncak itu boleh memperkasaan perniagaan milik wanita.

"Saya berharap platform ini akan mencetuskan kerjasama, memastikan wanita mengetui tanggungjawab dalam membina ekonomi ASEAN yang rancak dan inklusif di mana setiap wanita berkembang maju," katanya.



MASTURA



EMYLIA LIYANA

Emlylia Liyana Anwar berkata, AWES 2025 mempercepatkan integrasi ekonomi serantau melalui platform kerjasama konkret inisiatif *Bridging Lives*, kerjasama strategik dan tema yang jelas.

Menurutnya, melalui platform kerjasama konkret, AWES menghimpunkan lebih 700 pemimpin dari kerajaan, perniagaan dan masyarakat serantau, memperluas pasaran dan peluang rentas sempadan untuk usahawan wanita dalam industri kreatif, dengan memudahkan kerjasama produksi, pertukaran idea dan karya seni," katanya.

"Menerusi inisiatif *Bridging Lives*, ia membina jambatan fizikal di komuniti luar bandar untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan.

"Melalui kerjasama strategik pula, AWES 2025 melibatkan rakan kongsi utama seperti UOB Malaysia, Kuok Brothers, Liberty General Insurance, Prudential Assurance Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Yayasan Peneraju dan Rizman Ruzaini untuk menyokong inisiatif pemberkasaan wanita," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, cabaran terbesar yang dihadapi oleh wanita di ASEAN yang diperolehi berdasarkan data McKinsey yang dibentangkan di AWES 2025 ialah jurang gender yangboleh merugikan ekonomi antaranya Malaysia sahaja boleh kehilangan USD 50 billion nilai ekonomi.

Menurutnya, ASEAN mempunyai potensi ekonomi \$2.3 trillion yang belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Bagaimanapun, Emlylia Liyana berkata, penyelesaian melalui AWES 2025 mendeplani cabaran tersebut ialah melalui kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta seperti yang ditunjukkan melalui sokongan MITI dan rakan kongsi korporat.